



KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tender ini terbuka kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

| BIL | BUTIR-BUTIR TENDER | SYARAT PENYERTAAN TENDER | BUTIR-BUTIR TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK | TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL | TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP |
|-----|---|--|--|--|--|---|
| 1. | <p>No. Tender: KKLW.T.2/2012</p> <p>PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI JALAN SELIRIK, BAHAGIAN KAPIT, SARAWAK.</p> | <p>Berdaftar dengan</p> <p>i. PKK, KELAS B - KELAS IV S/Kepala 6(a)</p> <p>ATAU</p> <p>ii. UPKJ, KELAS A - Kepala I S/Kepala 4(a),4(b),4(c)</p> <p>- Kepala III S/Kepala 2</p> <p>DAN</p> <p>iii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) GREED G6</p> | <p>Tempat :</p> <p>Bilik Mesyuarat Utama Aras 2, Kompleks Kerajaan Negeri, Jalan Beleteh, 96800 Kapit, Sarawak</p> <p>Tarikh : 17 Januari 2012 (Selasa) Jam: 10.00 pagi</p> <p>Lawatan Tapak pada 17 Januari 2012</p> <p>Kehadiran adalah DIWAJIBKAN</p> <p>* Kenderaan semasa lawatan tapak tidak disediakan oleh KKLW</p> | <p>Tarikh Dijual :</p> <p>18 Januari 2012 hingga 26 Januari 2012</p> <p>Waktu:</p> <p>8.30 pg - 12.30 tengah hari 2.30 ptg - 4.30 ptg (Isnin - Khamis)</p> <p>8.30 pg - 11.30 pg 2.30 ptg - 4.30 ptg (Jumaat)</p> | <p>Tempat :</p> <p>Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek Cawangan Negeri Sarawak, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Lot 2333, Tingkat 1 & 2 Bormill Estate Commercial Centre, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce, Peti Surat 3206, 93762 Kuching, Sarawak.</p> <p>Harga Dokumen: RM250.00</p> | <p>Tarikh Tutup:</p> <p>2 Februari 2012 (Khamis)</p> <p>Waktu:</p> <p>12.00 tengah hari</p> |

- Naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek Cawangan Negeri Sarawak, Lot 2333, Tingkat 1 & 2, Bormill Estate Commercial Centre, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce, Peti Surat 3206, 93762 Kuching, SARAWAK** pada waktu pejabat bermula 18 Januari 2012 hingga 2 Februari 2012.
- Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki membeli **Kiriman Wang (Money Order)** atau **Bank Draf** atas nama **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA BERSERTA SALINAN-SALINANNYA. (SALINAN SIJIL DAN DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN YANG DISERTAKAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN).**
- Taklimat tender dan lawatan tapak** pembinaan adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadirinya sahaja akan dibenarkan membeli dokumen tender. Bagi pihak yang menghantar wakil ke taklimat tender tersebut **Surat Perwakilan Kuasa** hendaklah dikemukakan kepada wakil Kementerian ketika sesi taklimat dijalankan serta setiap wakil berkenaan hanya boleh **mewakili satu syarikat sahaja.**
- Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
- Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di alamat:-

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH,
ARAS 15, NO 47, PERSIARAN PERDANA, PRECINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62100 PUTRAJAYA
(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)